



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK) SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD NOOR EFENDI BIN SAMSU

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM  
KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK)  
SEKOLAH MENENGAH**

**MOHD NOOR EFENDI BIN SAMSU**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 09.....(hari bulan)JANUARI(bulan) 2024.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, MOHD NOOR EFENDI BIN SAMSU (M 2021100204) FAK. PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK) SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR IZAZOL BINTI IDRIS (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK) SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGUKURAN DAN PENILAIAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10.1.2024

Tarikh

**IZAZOL IDRIS, PhD**  
 Senior Lecturer  
 Faculty of Human Development  
 Sultan Idris Education University  
 Tandatangan Penyelia  
 Dr. MAMONI YAHYA, MALAYSIA



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENILAIAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM  
KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK)  
SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M 20211000204

Saya / I : MOHD NOOR EFENDI BIN SAMSU  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia  
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh  
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
restricted information as specified by the organization where research  
was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
**IZAZOL IDRIS, PhD**  
· Senior Lecturer  
Faculty of Human Development  
Sultan Idris Education University  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Advisor & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10.1.2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period  
and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah SWT yang maha pemurah lagi maha mengasihani.**

Alhamdulillah, dengan izin Mu ya Allah, disertasi ini dapat dijelmakan secara realiti.

Jutaan penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya Dr. Izazol binti Idris atas kesudian penyeliaan, bimbingan, nasihat serta sokongan disepanjang saya menghadirkan disertasi ini. Penghargaan setingginya juga buat penilai iaitu Dr Zahari Suppian dan Dr Mazarul Mohamad Hasan.

Kepada ibu tercinta Pn Eshah bt Hasan, terima kasih kerana sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Terima kasih kepada adik-beradik, keluarga terdekat dan sahabat-sahabat yang sentiasa memberi sokongan dan doa agar disertasi dan pengajian ini berjaya disempurnakan.

Sekalung penghargaan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM kerana memilih saya untuk menerima peluang penajaan melanjutkan pengajian dan UPSI sebagai tempat lahirnya saya sebagai sarjana. Saya sangat menghargai rezeki ini.

Tidak lupa, jutaan terima kasih kepada guru yang menjadi peserta kajian ini. Tanpa respons anda naskhah ini tidak dapat saya hadirkan.

Buat teman seperjuangan yang disayangi,  
Kenangan bersama tidak akan ditelan usia,  
Suka duka telah bersama diharungi,  
Semoga Allah memberkati usaha mulia kita.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan di sepanjang perjalanan sarjana ini. Semoga naskhah disertasi ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang. Amin.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK). Penilaian secara kuantitatif ini menggunakan model penilaian KIPP dan telah dijalankan ke atas guru-guru PJK di daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini menentukan tahap pelaksanaan PBD PJK berdasarkan empat dimensi model penilaian iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk. Kajian ini juga mengukur pengaruh dimensi Konteks, Input, Proses terhadap dimensi Produk, dan seterusnya menentukan peramal terbaik antara ketiga-tiganya. Sejumlah 200 orang guru PJK di daerah Kota Setar dijadikan sampel kajian ini berdasarkan kaedah pensampelan kluster. Soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data kajian. Kesahan konstruk soal selidik ini dibuktikan dengan nilai kolerasi skor dengan jumlah skor yang berada dalam julat 0.301 hingga 0.931. Kebolehpercayaannya pula dibuktikan dengan nilai Alfa Cronbach bagi keseluruhan instrumen soal selidik ialah 0.943 dan bagi setiap dimensi pula berada dalam julat 0.747 ke 0.922. Analisis deskriptif menunjukkan tahap dimensi konteks dalam pelaksanaan PBD PJK berada pada tahap sederhana berbanding dimensi lain berada pada tahap yang tinggi. Analisis inferensi pula menunjukkan nilai  $R^2$  ialah 0.521, bermaksud gabungan dimensi konteks, input dan proses mempengaruhi 52.1% perubahan pada dimensi produk [ $F(3,196) = 71.16, p < .05$ ]. Nilai Beta bagi dimensi Proses adalah yang paling tinggi iaitu ( $\beta = .532, p < .001$ ) menunjukkan bahawa dimensi proses merupakan peramal terbaik terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan PBD PJK. Maka, kedua-dua hipotesis kajian ini diterima. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar perubahan dalam dimensi produk dipengaruhi oleh interaksi konteks, input, dan proses, dengan proses sebagai peramal terbaik kepada produk. Sebagai implikasi, kajian ini memberi maklumat kepada KPM mengenai kepentingan mempertimbangkan konteks, input, dan khususnya proses dalam perancangan dan penggubalan dasar berkaitan PBD, khususnya untuk PJK.





## **EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF CLASSROOM ASSESSMENT (PBD) AMONG SECONDARY SCHOOL PHYSICAL AND HEALTH EDUCATION (PJK) TEACHERS**

### **ABSTRACT**

This study aims to evaluate the implementation of Classroom Assessment (CA) among teachers who teach Physical Education and Health (PEH) subjects. This quantitative evaluation uses the CIPP evaluation model and has been conducted on PEH teachers in Kota Setar, Kedah. This study determines the level of CA PEH implementation based on the four dimensions of the evaluation model, namely Context, Input, Process and Product. This study also measures the influence of the Context, Input, Process dimensions on the Product dimension, and then determines the best predictor among the three. A total of 200 PEH teachers in the Kota Setar district were used as a sample for this study based on the cluster sampling method. Questionnaires were used in this study to collect research data. The construct validity of this questionnaire is proven by the score correlation value with the total score which is in the range of 0.301 to 0.931. Its reliability is proven by the Cronbach's alpha value for the entire questionnaire instrument is 0.943 and for each dimension is in the range of 0.747 to 0.922. Descriptive analysis shows that the level of the context dimension in the implementation of CA PEH is at a moderate level compared to other dimensions at a high level. The inference analysis showed that the  $R^2$  value was 0.521, meaning that the combination of context, input and process dimensions influenced 52.1% of the change in product dimensions [ $F(3,196) = 71.16$ ,  $p < .05$ ]. The Beta value for the Process dimension is the highest which is ( $\beta = .532$ ,  $p < .001$ ) showing that the process dimension is the best predictor of the product dimension in the implementation of CA PEH. Therefore, both hypotheses of this study are accepted. In conclusion, this study shows that most of the changes in product dimensions are influenced by the interaction of context, input, and process, with process being the best predictor of product. As an implication, this study provides information to the MoE regarding the importance of considering the context, input, and especially the process in the planning and formulation of policies related to CA, especially for PEH.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Persoalan kajian	11
1.6 Hipotesis kajian	12
1.7 Kerangka konseptual kajian	12
1.8 Definisi Istilah	15
1.8.1 Penilaian	16
1.8.2 Pentaksiran Bilik Darjah	16





1.8.3	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	17
1.8.4	Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Menengah	18
1.8.5	Dimensi Konteks	18
1.8.6	Dimensi Input	20
1.8.7	Dimensi Proses	22
1.8.8	Dimensi Produk	24
1.9	Batasan kajian	25
1.10	Kepentingan kajian	27
1.11	Rumusan	29

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Penilaian Program	31
2.2.1	Pendekatan Penilaian Berasaskan Proses	32
2.2.2	Pendekatan Penilaian Berorientasikan Pelanggan	33
2.2.3	Pendekatan Penilaian Berasaskan Matlamat	34
2.3	Model Penilaian	35
2.3.1	Model Penilaian Stake (1967)	35
2.3.2	Model Penilaian Tyler (1950)	37
2.3.3	Model Penilaian Kirkpatrick (1950)	38
2.3.4	Model Penilaian KIPP	39
2.3.5	Faktor pemilihan Model Penilaian KIPP	42
2.4	Kajian lalu yang menggunakan Model Penilaian KIPP	45
2.5	Pentaksiran Bilik Darjah	53
2.6	Pentaksiran Bilik Darjah dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	56
2.7	Pentaksiran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	57
2.8	Pentaksiran Bilik Darjah untuk Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	60





2.9	Sikap dan kesedaran guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan terhadap Pentaksiran Bilik Darjah	61
2.10	Kajian-kajian Lepas mengenai Pentaksiran Bilik Darjah	64
2.11	Rumusan	72

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Reka bentuk kajian	74
3.3	Populasi dan sampel	75
3.4	Instrumen	76
3.5	Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	79
3.6	Kajian Rintis	82
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	83
3.8	Dapatan Kajian Rintis	85
3.8.1	Kesahan Konstruk Soal Selidik	85
3.8.2	Kebolehpercayaan	89
3.9	Prosedur pengumpulan data	91
3.10	Kaedah Analisis Data	92
3.11	Rumusan	96



### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	97
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	98
4.3	Analisis Deskriptif	102
4.3.1	Dimensi Konteks	102
4.3.2	Dimensi Input	108
4.3.3	Dimensi Proses	116
4.3.4	Dimensi Produk	123
4.4	Analisis Inferensi	130





4.4.1	Pembuktian Andaian	130
4.4.2	Penilaian Model – Pengaruh Konteks, Input dan Proses terhadap Produk	135
4.4.3	Penilaian Model – Peramal terbaik terhadap Dimensi Produk	136
4.5	Rumusan	138

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	139
5.2	Ringkasan Kajian	140
5.3	Perbincangan	142
5.3.1	Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Konteks	142
5.3.2	Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Input	144
5.3.3	Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Proses	145
5.3.4	Pelaksanaan PBD PJK dari Dimensi Produk	147
5.3.5	Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input dan Dimensi Proses kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK	148
5.3.6	Dimensi Proses peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.	154
5.4	Implikasi Kajian	157
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	160
5.6	Kesimpulan	162
5.7	Rumusan	164

## RUJUKAN

## LAMPIRAN





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Rumusan Kajian Lepas Yang Menggunakan Model KIPP	51
2.2 Rumusan Kajian Lepas Mengenai Pentaksiran Bilik Darjah	70
3.1 Pecahan Item Soal Selidik	78
3.2 Senarai Panel Pakar Kajian	80
3.3 Taburan Instrumen Baharu Mengikut Konstruk	81
3.4 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	84
3.5 Nilai kolerasi skor dan jumlah skor	86
3.6 Taburan Instrumen Baharu setelah Kajian Rintis	88
3.7 Keputusan nilai <i>Cronbach's Alpha</i> selepas Kajian Rintis	90
3.8 Interpretasi Skor Min	93
3.9 Kaedah Analisis Data	95
4.1 Tahap dimensi konteks (kerelevan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan) dalam pelaksanaan PBD PJK	102
4.2 Tahap dimensi konteks (tahap kesediaan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	104
4.3 Tahap dimensi konteks (sikap guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	105
4.4 Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Konteks	107
4.5 Tahap dimensi input (pengetahuan guru PJK,) dalam pelaksanaan PBD PJK	108
4.6 Tahap dimensi input (kemahiran guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	110
4.7 Tahap dimensi input (latihan dan sokongan sekolah) dalam pelaksanaan PBD PJK	113





4.8	Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Input	115
4.9	ahap dimensi proses (perancangan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	116
4.10	Tahap dimensi proses (strategi pengajaran dan pembelajaran guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	118
4.11	Tahap dimensi proses (kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid) dalam pelaksanaan PBD PJK	120
4.12	Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Proses	122
4.13	Tahap dimensi produk (penerimaan dan perubahan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	123
4.14	Tahap dimensi produk (hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	125
4.15	Tahap dimensi produk (kekangan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK	127
4.16	Rumusan Skor Min dan Interpretasi bagi Dimensi Produk	128
4.17	Rumusan Analisis Deskriptif Berdasarkan Interpretasi Skor Min	129
4.18	Dimensi Konteks, Input dan Proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK	135
4.19	Peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK	136
4.20	Rumusan Hipotesis Kajian	137





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1 Komponen Utama Model Penilaian KIPP	40
2.2 Penyataan Umum Tahap Penguasaan Kurikulum Pendidikan Kesihatan Sekolah Menengah	58
2.3 Penyataan Umum Tahap Penguasaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah	59
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	98
4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	99
4.3 Taburan Responden Mengikut Kategori Guru	100
4.4 Taburan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas	100
4.5 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	101
4.6 Taburan Normal P-P Plot bagi pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses terhadap Dimensi Produk.	132
4.7 Taburan <i>Scatterplot</i> bagi pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses terhadap Dimensi Produk.	133





## SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Perkembangan Kurikulum
CVI	<i>Content Validity Index</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
GPI	Guru Pendidikan Islam
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sahsiah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum
PASR	Program Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan





PEERS	Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial
PGP	Program Guru Penyayang
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SGM	Standard Guru Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
TESOL	<i>Teaching English to Speakers of Other Languages</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>





## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan EPRD
- B Surat Kelulusan JPN Kedah bilangan 1
- C Surat Kelulusan JPN Kedah bilangan 2
- D Surat permohonan keizinan menggunakan soal selidik
- E Borang Semakan Kesahan Kandungan
- F Keputusan Analisis CVI (*Content Validity Index*)
- G Soal Selidik
- H Output SPSS





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan rasmi memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada tahun 2017 bagi sekolah menengah dan setahun kemudiannya kepada sekolah rendah selaras dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Melalui garis Panduan Perlaksanaan PBD (KPM, 2018), guru dapat menjalankan pentaksiran dan penilaian secara holistik. Penilaian melalui empat aspek iaitu aspek penilaian kognitif (intelek), penilaian psikomotor (jasmani), afektif (emosi dan rohani) dan sosial. Ia seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang lebih menekankan kepada perkembangan individual secara menyeluruh, bersepada dan seimbang untuk membentuk modal insan yang berkualiti dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual serta sahsiah (JERIS).





PBD dijalankan sepanjang tahun secara berterusan melalui proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Ia melibatkan semua mata pelajaran selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dalam PBD ia tidak membezakan tahap penguasaan murid tetapi sebaliknya ia bertujuan bagi membantu perkembangan murid secara menyeluruh. Melalui PBD juga guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan murid daripada hasil pembelajaran sepanjang PdPc berlangsung. Implikasi dari ini akan memberi peluang kepada guru untuk terus merancang dan mengubahsuai pengajaran yang lebih sesuai (KPM, 2018).

Sepanjang proses PBD dikendalikan di peringkat sekolah, tugas guru adalah memainkan peranan utama dan bertanggungjawab dalam mentadbir, membuat penskoran, menilai murid dan membuat rekod pencapaian murid (Zamri et al., 2010).

KPM (2018) menyatakan PBD dijalankan secara formatif bagi tujuan menambah baik pembelajaran murid melalui dua pentaksiran iaitu Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*) dan Pentaksiran sebagai Pembelajaran (*Assessment as Learning*).

Pentaksiran formatif ialah salah satu bentuk pentaksiran yang membolehkan guru untuk melihat sejauh mana murid tahu dan boleh melakukan sesuatu tugas yang telah ditugaskan (Baird et al., 2017). Justeru itu, melihat kepada kepentingan PBD dalam pentaksiran masa kini, maka perlulah kajian dijalankan untuk menilai pelaksanaan PBD yang telah dilaksanakan.





## 1.2 Latar belakang kajian

Sejak 200 tahun lalu, Peperiksaan awam di Malaysia telah mula dijalankan apabila *Penang Free School* ditubuhkan pada 21 Oktober 1816. Setelah kurun lamanya masyarakat di Malaysia didedahkan dengan peperiksaan awam, Setelah bergenerasi masyarakat negara ini mengamalkan peperiksaan awam dan apabila KPM terus menggantikan peperiksaan awam dengan PBD yang lebih holistik dan berterusan ini. Maka ianya pasti telah mengelirukan dan menyesakkan dada para waris murid. Meskipun terdapat permintaan daripada ibu bapa yang mahukan peperiksaan awam iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dilaksanakan semula. Tetapi KPM terus bertegas untuk tidak mengembalikan semula kepada peperiksaan awam (Bernama, 2022). Maka perlulah diperhatikan tahap perlaksanaan PBD yang dikatakan mampu untuk mencapai sasaran pihak pengubal dasar dikaji.

PBD telah dikonsepkan sebagai salah satu proses pentaksiran yang dijalankan secara berterusan semasa sesi PdPc. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan atau pencapaian murid terhadap matlamat yang dihasratkan. Guru, murid dan bahan pentaksiran ialah keperluan asas kepada PBD. Menurut Kalai (2020), kemahiran guru, kemudahan peralatan dan sumber bahan pengajaran menjadi cabaran utama dalam melaksanakan PBD.

Melihat kepada kepentingan PJK dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah, KPM telah mengambil





langkah menjadikan subjek PJK sebagai mata pelajaran teras yang wajib diajar di semua peringkat sekolah menerusi Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). KPM juga telah menyiarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1979; Bil.2/1988; Bil.17/1988; Bil.25/1998 dan Bil.8/1990 (Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan).

Penyebaran surat pekeliling adalah untuk memberi penegasan kepada semua pengetua dan guru besar di sekolah tentang wajib untuk mata pelajaran dijalankan di sekolah dilaksanakan dalam masa persekolahan. Pihak sekolah dilarang untuk menggunakan peruntukkan waktu PJK untuk mengajar mata pelajaran lain. Maka pelaksanaan PBD khusus mata pelajaran PJK perlulah sentiasa dinilai pelaksanaannya dari masa ke semasa agar ia selari dengan matlamat yang digariskan dalam FPK.



### 1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan Pelaporan Akhir PBD mata pelajaran PJK negeri Kedah 2021, didapati bahawa kedudukan daerah Kota Setar berada di kedudukan terendah dalam skor peratusan jumlah murid mendapat tahap penguasaan empat hingga tahap penguasaan enam. Persoalan yang timbul ialah status pelaksanaan PBD PJK bagi daerah ini. Oleh sebab sememangnya guru memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk pentadbiran pentaksiran, membuat penskoran, menilai murid dan merekodkan rekod pencapai murid di peringkat sekolah (Zamri et al., 2010). Maka perlulah untuk dikaji





status pelaksanaan PBD PJK yang telah dilaksanakan oleh guru yang terlibat dengan PBD PJK di daerah Kota Setar, Kedah.

Guru mahir dan perlu dilatih dalam melaksanakan PBD. Yeh dan Mohd Zahuri (2018) menyatakan seseorang guru yang menilai perlulah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian pembelajaran murid. Persoalannya, adakah guru benar-benar kompeten dalam melaksanakan PBD PJK seperti saranan dalam kerangka dan modul Standard Guru Malaysia (SGM). SGM memberi penegasan bahawa satu standard perlu dicapai oleh guru dalam PdPc dengan menekankan kebolehan guru dalam membuat perancangan, perlaksanaan pentaksiran dan penilaian pembelajaran murid (KPM, 2009).



mendapati faktor sikap guru terhadap PBD berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan sikap guru boleh menjadi halangan kepada guru dalam melaksanakan PBD yang lebih berkesan. Guru menjalankan PBD dengan mengaplikasikan kemahiran sedia ada dalam pelaksanaan pentaksiran dalam kelas (Sajjad et al., 2019). Dapatkan Sh. Siti Hauzimah (2019), yang mendapati kemahiran guru dalam mengendalikan proses PBD adalah tinggi. Kajian Mahaya et al., (2019) mendapati guru mengamalkan sikap tersendiri dalam melaksanakan PBD seperti yang dihasratkan oleh KPM.

Walaupun guru menerima baik pelaksanaan PBD namun secara praktikal sikap guru dalam melaksanakannya masih ada sedikit (Fahkri & Mohd Isha, 2016; Masfarizan & Mohammed Yusoff, 2020). Hasil kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) juga menunjukkan peratusan yang tinggi dicatatkan berkaitan dengan masalah yang





dihadapi guru semasa melaksanakan PBD. Masalah dalam pentaksiran ini menyebabkan pentaksiran tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan mendalam. Sh. Siti Hauzimah (2019) melanjutkan huraian kajiannya dengan menyimpulkan bahawa terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PBD sehingga memberi kesan kepada guru untuk melaksanakan PBD. Menurut Kalai (2019), terdapat perbezaan antara sikap guru dengan cara pendekatan guru dalam pelaksanaan PBD. Hal yang sama iaitu sikap guru berbeza dalam melaksanakan PBD turut dilaporkan oleh Mahaya et al., (2109).

Mohd Azmi (2016) menyarankan bahawa program latihan guru terhadap PBD perlu diteruskan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan PBD. Tetapi Abdul Said et al., (2017) menyatakan, walaupun guru tidak mendapat latihan yang khusus berkaitan pelaksanaan PBD, namun dengan kemahiran yang ada guru mampu untuk melaksanakan PBD tersebut. Walau bagaimanapun, hasil kajian Zahari et al., (2020) mendapati bahawa faktor kurang berjaya guru menjalankan aktiviti PBD dengan baik adalah disebabkan oleh program latihan yang diberikan kepada guru kurang berkesan.

Kajian oleh Unit Penyelidikan Dan Pentaksiran KPM (2021) terhadap pelaksanaan PBD di mana para guru mengakui bahawa PBD memberikan hasil pentaksiran yang menyeluruh walaupun wujudnya kekangan masa serta pelbagai cabaran. Para guru merupakan asas kepada kejayaan PBD yang akan membentuk modal insan yang mampu berdaya saing. Kajian Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) dan Lai (2018), menunjukkan guru menghadapi kesukaran membuat PBD kerana masalah kekangan masa dalam melaksanakan PBD. Kajian ini disokong dengan dapatan Nor





Asimah (2020), kekangan masa ialah faktor utama dalam pelaksanaan PBD mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT). Menurut Zahari et al. (2020) walaupun ada kekangan, namun kesungguhan guru untuk melaksanakan PBD menjadi asas kukuh ke arah merealisasikan hasrat KPM dalam mengembangkan potensi murid dan melahirkan modal insan yang bersifat holistik.

Beberapa kajian lepas pernah dijalankan berkaitan dengan PBD. Namun begitu kajian yang berfokus kepada PBD dalam mata pelajar PJK adalah sangat terhad, hal ini dipersetujui Gengatharan dan Azali (2019) dalam kajian mereka menyatakan bahawa kurangnya kajian dijalankan berkaitan dengan pentaksiran subjek PJK kerana kebanyakannya kajian ditumpukan kepada subjek lain padahal aspek jasmani telah ditekankan dalam FPK. Sebaliknya kajian mengenai PBD banyak dijalankan ke atas mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu (Noraini & Zamri, 2016, Sh. Siti Hauzimah, 2019, Kausalya & Faridah, 2022), Bahasa Inggeris (Suhaila & Mohamed Yusoff, 2022) Sains (Tan, 2019), Matematik (Fara Izzati & Siti Rahaimah, 2021), Sejarah (Nurul Huda & Anuar, 2022), Pendidikan Seni Visual (Lee, 2021) dan Sains Rumah Tangga (Nor Asimah, 2020). Secara umumnya, dapatan kajian-kajian ini menyatakan semua faktor yang dikaji iaitu sikap guru, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dalam pelaksanaan PBD adalah tidak konklusif. Maka perlu adanya latihan dan program yang khusus berkaitan pelaksanaan PBD agar segala penilaian kualiti murid bersetujuan dengan tahap penguasaan yang diperoleh.

Seterusnya, berkaitan dengan kesesuaian model penilaian yang perlu dipilih. Dinyatakan bahawa tidak terdapat satu kaedah khusus untuk menilai pelaksanaan PBD dan tidak terdapat model yang khusus yang boleh diguna pakai dalam semua keadaan.





Bagi Suchman (1967), sesuatu model penilaian yang baik ialah ia bersesuaian dengan kehendak penilai. Perkara ini juga dipersetujui oleh Norasmah (2002) yang menyatakan bahawa perlunya setiap penilai melihat kepada tujuan, reka bentuk, ciri-ciri bersesuaian, kekuatan dan kelemahan, serta kajian lepas sebelum pemilihan model penilaian yang bersesuaian dipilih. Setelah meneliti kajian lepas yang berkaitan antaranya Norazilawati et al., (2015), Noorzeliana (2016) dan Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) yang menulis mengenai bidang penilaian pelaksanaan PBD, semuanya mengaplikasi model penilaian KIPP (Konteks, Input, Proses dan Produk).

Model KIPP oleh Stufflebeam et al., (1971) merupakan model penilaian yang bukan sahaja menerangkan empat dimensi yang merangkumi dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk tetapi model penilaian ini juga akan menunjukkan perkaitan antara satu dimensi dengan dimensi yang lain. Berdasarkan kepada perkaitan yang didapati, masalah yang dikenal pasti dalam sesuatu dimensi dapat dikaitkan dengan dimensi lain. Bagi konteks kajian ini, pemilihan model penilaian KIPP dipilih bagi menilai pelaksanaan PBD dalam kalangan guru di sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran PJK. Pengkaji memilih model ini adalah kerana terdapatnya dalam model ini penilaian yang menghubung kait antara dimensi produk dengan dimensi konteks. Dimensi input dan dimensi proses. Ini menunjukkan bahawa model KIPP merupakan sesuatu model penilaian yang jelas dan sistematik untuk menunjukkan hubung kait antara sumber dan faktor lain yang digunakan dalam melaksanakan program, aktiviti dalam pelaksanaan program dan hasil atau perubahan kejayaan program. Dengan penggunaan model KIPP ini lebih memudahkan untuk pengkaji dalam perancangan, komunikasi dan menganalisis untuk melihat pencapaian yang ingin diperoleh.





Dengan mengaplikasikan model KIPP Stufflebeam et al., (1971) dalam proses penilaian kajian ini, pengkaji dapat membuat cadangan penambahbaikan berdasarkan dapatan kajian dengan mengenal pasti perubahan yang perlu berdasarkan hasil penilaian. Ini menunjukkan bahawa Model KIPP ialah model penilaian yang menyeluruh dan komprehensif bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pihak pembuat keputusan (Herod, 2000).

Berdasarkan carian dan bacaan kajian lepas, ramai pengkaji dalam negara telah mengaplikasikan Model KIPP oleh Stufflebeam et al., (1971) ini sebagai kerangka konsep dalam kajian mereka. Antaranya, Norazilawati et al., (2015) menggunakan KIPP dalam menilai PBS guru sains, Noorzeliana (2016) menggunakan model KIPP dalam kajiannya berkaitan PBD dan Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) menggunakan model KIPP menilai pelaksanaan PBD ke atas guru matematik. Aniza dan Zamri (2016) turut mencadangkan agar diperbanyakkan kajian berkaitan dengan pelaksanaan PBD memandang PBD merupakan satu transformasi baharu dalam sistem penilaian pendidikan di Malaysia.

Kesimpulannya, kajian ini perlu dilakukan bertujuan untuk menilai pelaksanaan PBD dalam kalangan guru sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran PJK. Penilaian secara kuantitatif ini akan mengaplikasikan model penilaian KIPP oleh Stufflebean (1971) dan dijalankan ke atas guru-guru PJK di daerah Kota Setar, Kedah.





## 1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- a) Menentukan tahap dimensi konteks ( kerelevan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, tahap kesediaan guru PJK dan sikap guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK.
- b) Menentukan tahap dimensi input ( pengetahuan guru PJK, Kemahiran guru PJK menjalankan PBD serta latihan dan sokongan sekolah) dalam pelaksanaan PBD PJK.
- c) Menentukan tahap dimensi proses (perancangan, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid) dalam pelaksanaan PBD PJK.
- d) Menentukan tahap dimensi produk (penerimaan guru PJK, hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK serta kekangan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK.
- e) Mengukur sumbangan pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.
- f) Menentukan peramal terbaik kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.



## 1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian ini adalah:

- a) Apakah tahap dimensi konteks (kerelevan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, tahap kesediaan guru PJK dan sikap guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK?
- b) Apakah tahap dimensi input (pengetahuan guru PJK, kemahiran guru PJK menjalankan PBD serta latihan dan sokongan sekolah) dalam pelaksanaan PBD PJK?
- c) Apakah tahap proses (perancangan, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid) dalam pelaksanaan PBD PJK?
- d) Apakah tahap dimensi produk (penerimaan guru PJK, hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK serta kekangan guru PJK) dalam pelaksanaan PBD PJK?
- e) Adakah dimensi Konteks, Input dan Proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK?
- f) Apakah peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK?



## 1.6 Hipotesis kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang berikut:

Ha1: Dimensi Konteks, Input dan Proses memberi pengaruh yang signifikan kepada dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

Ha2 : Dimensi Proses peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PBD PJK.

## 1.7 Kerangka konseptual kajian



Pemilihan model dan reka bentuk yang akan digunakan untuk membuat penilaian ke atas program ialah satu proses yang kritikal dalam penilaian program. Penyataan ini telah dipersetujui oleh Jamil (2002), Norasmah (2002), Patton (1990) dan Suchman (1967). Sesuatu model yang baik ialah model itu bersesuaian dengan kehendak penilai (Suchman, 1967). Suchman (1967) menegaskan bahawa tiada sesuatu model penilai yang benar-benar sesuai bagi setiap program yang ingin dinilai. Penyataan ini telah disokong oleh Patton (1990) bahawa tiada satupun model penilaian yang mutlak dan lengkap dalam penilaian. Manakala Norasmah (2002) pula menyatakan bahawa setiap pakar penilai perlu melihat kepada tujuan, reka bentuk, ciri-ciri kesesuaian, kajian lepas, kekuatan dan kelemahan sebelum memilih model penilaian yang paling sesuai.



Pendapat Patton (1990) dan Norasmah (2002) ini adalah selari dengan pandangan Brinkerhoff et al., (1983) dengan menyatakan bahawa setiap orang mungkin akan memberi definisi penilaian yang berlainan bergantung kepada matlamat penilaian dilaksanakan serta tujuan penilaian tersebut dilaksanakan. Definisi penilaian yang berbeza ini kerana mengikut perbezaan cara penilaian itu dinilai. Pemilihan model penilaian yang akan digunakan ini berbeza daripada segi standard dan piawai untuk merumus dan menghakimi penilaian tersebut.

Kajian ini telah memilih model penilaian KIPP sebagai model penilaian pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran PJK. Pengkaji memilih model penilaian KIPP adalah kerana selaras dengan definisi operasional penilaian yang diguna pakai dalam kajian ini. Ini berdasarkan definisi oleh Sufflebeam et al., (2003) iaitu penilaian ialah satu proses menggambar, mengumpul data dan menyediakan maklumat yang berguna untuk membuat keputusan alternatif dalam penambahbaikan program. Dengan menggunakan model KIPP ini, pengkaji akan dapat membuat penilaian dengan sistematik dan dapat menambah baik terhadap pelaksanaan PBD PJK.


Penilaian melalui setiap dimensi konteks, input, proses dan produk ini akan dapat mengumpul maklumat yang tersusun dan berfokus berkaitan dengan ciri, aktiviti dan hasil program yang dijalankan supaya hasil penilaian dapat digunakan secara khusus (Mohamed Najib, 2016). Hasil penilaian ini amat berguna dalam merancang strategi dan pelan tindakan dalam menstrukturkan semula PBD PJK agar menjadi lebih kukuh dalam mengapai matlamat.



Penilaian konteks menilai kerelevanan PBD dengan FPK, tahap kesediaan dan sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK. Penilaian input pula penilaian input akan menilai tahap pengetahuan guru PJK, kemahiran guru PJK menjalankan PBD serta latihan dan sokongan sekolah dalam pelaksanaan PBD PJK. Manakala penilaian proses akan menilai tahap perancangan, strategi PdPc serta kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid dalam pelaksanaan PBD PJK. Sementara penilaian produk tertumpu kepada tahap penerimaan guru PJK, hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK serta kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD PJK.

Pengkaji akan menggunakan kesemua empat jenis komponen dalam Model Penilaian KIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Penggunaan semua komponen dipilih supaya hasil penilaian dapat memberi info yang berguna dan penting kepada pembuat dasar dalam merancang dan menyusun semula tindakan-tindakan alternatif bertujuan untuk penambahbaikan pelaksanaan PBD. Berdasarkan rasional yang diutarakan, maka kerangka konsep kajian dibentuk seperti dalam Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam komposisi ulasan ini. Istilah-istilah tersebut mempunyai definisi dan implikasi yang harus dilihat seperti berikut:



### 1.8.1 Penilaian

Fitzpatrick et al., (2004) mendakwa bahawa mendefinisikan penilaian sebagai pengenalpastian, pengesahan, dan penggunaan kriteria yang boleh dipertahankan untuk menentukan nilai objek berhubung dengan kriteria yang ditentukan. Penilaian yang ditakrifkan oleh Siti Rahayah (2003) pula ialah sebagai prosedur menentukan, memperoleh, dan menyediakan maklumat berguna untuk membuat keputusan berhubung tindakan seterusnya. Sebab penilaian adalah untuk mendapatkan data atau garis besar keseluruhan pelaksanaan program atau tugas.

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan definisi Stufflebeam (2003), yang menyatakan bahawa penilaian ialah satu proses menggambarkan, mengumpul, dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih alternatif keputusan, tujuan penilaian bukanlah untuk membuktikan sesuatu tetapi lebih kepada menambah baik.

### 1.8.2 Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang merangkumi proses yang berterusan dalam sesi PdPc untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang diinginkan (KPM, 2019). PBD sebelum ini dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS) bermula pada tahun 2011. Pada tahun 2017, PS dikenali sebagai PBD.

Dalam konteks kajian ini, PBD dalam mata pelajaran PJK ialah program yang dinilai untuk menentukan tahap pelaksanaannya. Mata pelajaran ini memberi tumpuan





kepada pembelajaran aktif. Pengintegrasian pelbagai disiplin, aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah, serta gabungan teori dan amali dititikberatkan.

Melalui domain psikomotor, kognitif, dan afektif, ia dapat menilai penguasaan kemahiran dalam Pendidikan Jasmani. Guru PJK mempunyai pelbagai pilihan untuk menilai kemajuan murid. Antaranya ialah penguasaan kemahiran, penguasaan boleh diukur atau dinilai berdasarkan kuasa kebolehan mengikut masa, jarak, ketepatan, dan bentuk perlakuan. Komponen setiap penguasaan dibezakan dan tahap penguasaan murid direkodkan dalam pelaporan yang disediakan.

### 1.8.3 Pendidikan Jasmani dan Kesihatan



Melalui buku Panduan Pengurusan Mata Pelajaran PJK Sekolah Menengah (2019), Mata pelajaran PJK telah direka bentuk untuk memenuhi keperluan PJK yang holistik, bersepada, berkembang dan autentik selaras dengan keperluan FPK. Kemudiannya falsafah PJK diserapkan ke dalam sistem pendidikan negara. PJK menggariskan kemajuan diri mengenai fizikal, mental, emosi, sosial, keselamatan, kewajipan kendiri, kerjasama dan interaksi.

Kurikulum mata pelajaran PJK adalah berdasarkan kepada kemahiran pergerakan dan amalan gaya hidup sihat. Komponen Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan dilaksanakan melalui domain psikomotor, kognitif dan afektif. Mengikut keperluan murid. Kurikulum mata pelajaran PJK perlu disampaikan dengan





berkesan melalui PdPc dengan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang lebih sesuai dan menarik bagi memenuhi keperluan abad ke-2.

Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran PJK menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga) merupakan subjek yang dilaksanakan PBD oleh responden.

#### **1.8.4 Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Menengah**

Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan sekolah menengah merujuk kepada guru siswazah yang ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran PJK di sekolah menengah.

Guru bukan sahaja ditugaskan untuk mendidik anak murid, malah guru juga mempunyai peranan dalam urusan pentadbiran sekolah seperti tugas-tugas perkeranian, menghadiri kursus, bengkel dan mesyuarat, aktiviti-aktiviti di peringkat sekolah dan lain-lain lagi.

Dalam kajian ini, guru PJK sekolah menengah diistilahkan iaitu individu yang menjalankan PBD ke atas murid di mana mereka merupakan responden kajian ini. Responden merujuk kepada guru sekolah menengah yang ditugaskan mengajar mata pelajaran PJK (opsyen dan bukan opsyen) menengah rendah di Daerah Kota Setar.

#### **1.8.5 Dimensi Konteks**

Penilaian Dimensi Konteks untuk mengukur peluang dan keperluan berdasarkan kepada konteks atau persekitaran program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Penilai





boleh memahami rasional program dengan menilai konteks. Melalui skop yang lebih besar, penilai dapat memutuskan kesesuaian matlamat program terhadap strategi yang membantu visi dan misi program. Dengan cara ini, penilaian konteks dilihat sebagai pemutus perancangan yang dinamik bagi sesuatu program.

Dalam konteks kajian ini, penilaian konteks dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu kerelevan PBD PJK dengan FPK, yang bermaksud pertalian atau hubungan antara PBD dengan FPK, kesediaan guru PJK, yang bermaksud sejauh mana kesediaan guru daripada aspek pengetahuan dalam melaksanakan PBD, dan sikap guru PJK yang bermaksud kemungkinan tingkah laku guru dalam memberi tindak balas yang positif atau sebaliknya terhadap pelaksanaan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.



### **1.8.5.1 Kerelevan PBD dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

FPK semestinya menjadi perkara pertama yang dirujuk dalam Pendidikan di Malaysia. FPK digubal untuk dijadikan panduan mahupun hala tuju dalam menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada usaha serta perancangan dalam bidang Pendidikan. Selaras dengan keseimbangan dalam FPK, PBD merupakan penilaian holistik yang menilai aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Setiap tindakan pengajaran perlu dijamin mempunyai komponen asas FPK iaitu mewujudkan individu yang disesuaikan daripada JERIS (Syahirah et al., 2022). Berdasarkan penerangan, subkonstruk kajian ini merujuk kepada kesesuaian pertalian atau hubungan antara PBD dengan FPK.





### **1.8.5.2 Kesediaan guru PJK dalam pelaksanaan PBD**

Menurut Mok (2008), kesediaan boleh dipecahkan kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif, dan kesediaan psikomotor, dan ia merujuk kepada kapasiti individu untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran atau pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, kesediaan merujuk kepada kesediaan guru mengaplikasikan ilmu dalam melaksanakan PBD.

### **1.8.5.3 Sikap guru PJK dalam pelaksanaan PBD**

Menurut Aiken (2000), sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang. Sikap seseorang mempunyai kesan yang besar terhadap tingkah laku mereka. Ini boleh dilihat melalui tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang. Dalam kajian ini, sikap guru terhadap perlaksanaan PBD ialah kecenderungan cara tingkah laku guru dalam memberi balasan dengan baik atau dalam apa jua keadaan terhadap pelaksanaan PBD.

## **1.8.6 Dimensi Input**

Visi utama penilaian input adalah untuk memutuskan aset yang boleh diakses untuk mencapai objektif program. Masa, sumber, infrastruktur, kurikulum, tenaga manusia, serta kandungan program ialah input kepada penilaian (Zainun & Nooraida, 2021). Selain itu, penilaian input program membenarkan penilai untuk menghadkan dan mengembangkan parameter program untuk menjadikannya lebih realistik.





Dalam konteks kajian ini, penilaian input dikonseptkan kepada tiga elemen, iaitu pengetahuan, yang berpusat di sekitar maklumat guru tentang pelaksanaan PBD, kemahiran guru pula berpaksikan kebolehan dalam bidang yang diajar di samping mentaksir dan membuat penilaian hasil kerja murid (*evidens*) secara holistik, seterusnya aspek latihan dan sokongan merujuk kepada persediaan dan pendedahan maklumat yang diterima oleh guru dan kemudahan yang disediakan oleh sekolah dalam melaksanakan PBD sekolah dalam pelaksanaan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

#### **1.8.6.1 Pengetahuan guru PJK menjalankan PBD**

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk

kebenaran, prinsip dan maklumat. Pengetahuan ialah sesuatu yang diketahui dan dipelajari. Pengetahuan saintifik pula ialah konsep dan fakta yang dipelajari tentang sains boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, pengetahuan difokuskan kepada pengetahuan guru PJK dalam menjalankan PBD PJK.

#### **1.8.6.2 Kemahiran guru PJK dalam pelaksanaan PBD**

Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau teaching skills meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan





berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, kemahiran guru dipusatkan kepada kebolehan guru dalam menyediakan diri dalam melaksanakan PBD PJK.

#### **1.8.6.3 Latihan dan sokongan sekolah**

Menurut Truelove (1995), latihan merupakan kerja untuk membina maklumat, kebolehan dan tingkah laku yang diharapkan dalam melaksanakan sesuatu yang berkaitan dengan kerja. Sokongan organisasi (*Perceived Organizational Support*) adalah kepercayaan seseorang dari segi sumbangan dan kebijakan yang diharapkan atau diterima daripada organisasinya (Eisenberger et al., 1986). Merujuk konteks kajian ini, latihan difokuskan kepada bengkel serta kursus atau keperluan yang guru telah peroleh dan sokongan difokuskan kepada kadar sumbangan yang disediakan oleh sekolah dalam pelaksanaan PBD.

#### **1.8.7 Dimensi Proses**

Penilaian proses berpusat di sekitar pelaksanaan program. Pelaksanaan ialah peringkat di mana sumber data digunakan dengan cara yang berdaya maju untuk mencapai objektif, sasaran dan objektif item yang dikehendaki. Proses penilaian untuk memahami bagaimana program menjalankan peranannya. Biasanya, keputusan pelaksanaan dibuat semasa fasa ini (Patil & Kalekar, 2014). Pendekatan sistematik untuk menilai proses membolehkan penilaian semua komponen penerangan pelaksanaan program.





Dalam konteks kajian ini, penilaian proses dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu perancangan guru merujuk kepada persediaan guru sebelum melaksanakan PBD, strategi pengajaran dan pemudahcaraan merujuk kepada tindakan guru dalam proses mengendalikan PBD, dan kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid merujuk kepada prosedur serta langkah dalam tindakan guru dalam proses dalam pelaksanaan PBD PJK. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.

#### **1.8.7.1 Perancangan guru dalam pelaksanaan PBD PJK**

Menurut Esah Sulaiman (2004), perancangan pengajaran ialah pilihan yang harus dibuat oleh guru tentang apa yang perlu diajar dan bagaimana untuk menyampaikan pengajaran supaya ia cenderung untuk diterima oleh murid. Dalam konteks kajian ini, perancangan merujuk kepada persediaan guru sebelum melakukan PBD PJK.

#### **1.8.7.2 Strategi pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam pelaksanaan PBD**

Strategi pengajaran dan pemudahcaraan boleh dicirikan sebagai wawasan untuk memilih, mengatur, dan menyelia strategi dan kaedah latihan untuk mencipta pencapaian yang ideal (Institut Pendidikan Guru, KPM, 2017). Dalam kajian ini, maksud strategi berpusatkan kepada kaedah atau cara guru merancang pentaksiran dalam melaksanakan PBD.



### 1.8.7.3 Kaedah guru PJK menjalankan PBD untuk menilai hasil kerja murid

Mok (2008) mengatakan kaedah ialah satu siri tindakan yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun. Istilah kaedah dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada tingkah laku yang dipraktikkan oleh guru terhadap proses melaksanakan PBD PJK.

### 1.8.8 Dimensi Produk

Menurut Stufflebeam (2003), tumpuan penilaian produk adalah pada hasil program selepas pelaksanaan. Penilaian item ini membantu dalam mengenali dan menilai hasil, sama ada hasil positif atau negatif, masa kini dan jarak jauh (Randall, 1969). Penilaian produk juga termasuk menilai hasil untuk mempromosikan dan mendokumentasikan kejayaan program yang dirancang (Tan et al., 2010).

Dalam konteks kajian ini, penilaian produk dikonsepsikan oleh tiga elemen, iaitu penerimaan guru PJK yang bermaksud perubahan tingkah laku dan hasil guru selepas menjalankan PBD, implikasi daripada perubahan dalam pencapaian dan perspektif murid terhadap mata pelajaran PJK pula ialah pencapaian murid dan perubahan sikap murid terhadap PBD dalam mata pelajaran PJK dankekangan guru PJK merujuk kepada halangan yang wujud semasa guru melaksanakan PBD. Berikut adalah definisi istilah bagi setiap subkonstruk dalam dimensi ini.



### **1.8.8.1 Penerimaan dan perubahan guru PJK pelaksanaan PBD**

Konsep penerimaan bermaksud seorang pendidik ataupun pengajar menerima sesuatu alat atau orang untuk tujuan penambahbaikan proses PdPc (Siti Hajar Halili, 2016). Dalam kajian ini, konteks konstruk ini merujuk kepada perubahan tingkah laku dan kesan guru selepas menjalankan PBD PJK.

### **1.8.8.2 Hasil perubahan pencapaian dan sikap murid terhadap mata pelajaran PJK**

Perubahan merupakan satu proses transformasi daripada pemikiran, kaedah atau pendekatan sedia ada kepada corak pemikiran, kaedah dan pendekatan baru (Sharina Abdullah, 2013). Hasil perubahan dalam kajian ini boleh dirujuk kepada perubahan



### **1.8.8.3 Kekangan guru PJK dalam pelaksanaan PBD**

Kekangan bermaksud sekatan atau batasan yang dikenakan kepada seseorang (Nurul Izzah Yusof & Hazhari Ismail, 2020). Kajian ini mengistilahkan kekangan ialah halangan yang muncul semasa guru melaksanakan PBD PJK.

## **1.9 Batasan kajian**

Kajian ini dibatasi kepada empat perkara. Antara batasan dalam kajian ini ialah batasan responden, lokasi, pendekatan dan instrumen kajian.



Bagi batasan sampel kajian, kajian ini hanya menggunakan guru sekolah menengah sahaja sebagai sampel kajian. Maka, guru-guru yang terlibat hanyalah guru-guru di peringkat sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran PJK tanpa mengira opsyen. Justeru dapatan kajian ini hanyalah dalam konteks sekolah menengah sahaja dan tidak meliputi sekolah rendah.

Seterusnya, batasan kedua adalah daripada aspek lokasi kajian. Kajian ini dijalankan di daerah Kota Setar, Kedah. Justeru hasil dapatan kajian ini tidak akan dapat digeneralisasikan untuk keseluruhan populasi sekolah menengah di seluruh negara.

Batasan ketiga berkaitan dengan pendekatan, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengukuran dalam penyelidikan kuantitatif akan membentangkan data kuantitatif dan dirumuskan melalui analisis akhir dapatan. Akhir sekali digeneralisasikan untuk menampung keperluan populasi yang lebih besar tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama. Justeru dapatan kajian ini terbatas dengan hanya merujuk kepada data numerik.

Selain itu, batasan seterusnya pula adalah daripada segi instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini ialah borang soal selidik. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian adalah bergantung kepada keupayaan responden untuk menjawab item-item soal selidik secara jujur. Kajian ini melindungi kepentingan responden daripada segi “tanpa nama” (*anonymity*). Selain itu, responden juga boleh menarik diri daripada menjadi responden kajian pada bila-bila masa.



## 1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini menjadi satu usaha penting kerana dapat memberi gambaran jelas dan maklum balas tentang pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran PJK. Bagi pengkaji sendiri, kajian ini juga memberikan perkembangan dan pendedahan ilmu melalui pengetahuan serta pengalaman berkaitan pelaksanaan PBD PJK. Di samping itu, pengkaji dapat memperoleh pelbagai jenis maklumat berkaitan PBD PJK serta mengenal pasti kekangan yang sering dihadapi oleh pihak sekolah dalam melaksanakan PBD PJK. Kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan, garis panduan dan pemudah cara untuk pengkaji-pengkaji baharu yang ingin membuat kajian lanjutan berkaitan PBD PJK. Bahkan, memberi peluang kepada para pengkaji untuk melihat secara lebih berfokus, terperinci dan mendalam berkaitan PBD PJK.



Hasil dapatan ini dapat membantu responden membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan PBD PJK bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan PBD PJK pada masa akan datang. Maklumat yang diperoleh dapat membantu guru-guru PJK dalam menyediakan perancangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan teliti agar PBD PJK dilaksanakan dengan lebih jelas dan tepat. Guru seharusnya berusaha untuk meningkatkan kemahiran di samping pengetahuan tentang PBD PJK khususnya melalui bengkel, seminar, kursus berkaitan ataupun melalui raja sekerja. Kemahiran dan pengetahuan ini sangat penting bagi guru-guru bersedia dengan segala perubahan dalam pendidikan terkini.





Antara pemasalahan yang ingin dikaji dalam kajian ini berkaitan dengan kekangan guru PJK dalam melaksanakan PBD PJK. Jadi, hasil maklum balas dapatan kajian ini diharap dapat maklumat berguna pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) daripada aspek status pelaksanaan PBD PJK di sekolah. Ia juga memberi maklumat kepada pihak berkepentingan dalam merancang penambahbaikan pelaksanaan PBD khususnya mata pelajaran PJK.

Hasil kajian ini diharap memberikan manfaat khususnya kepada pihak sekolah. Oleh sebab fokus kajian adalah untuk menilai proses serta prosedur pelaksanaan PBD PJK oleh guru serta mengetahui sejauh manakah pelaksanaan program ini mencapai matlamat dalam tahap penerimaan guru tentang PBD PJK. Melalui dapatan kajian, pihak bertanggungjawab iaitu KPM dan Bahagian Pendidikan Guru B (BPG) dapat membuat perancangan kerangka kursus dan bengkel atau latihan yang bersesuaian kepada guru-guru PJK khususnya dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan PdPc PJK yang berkesan.

Pengenalpastian kekuatan serta kelemahan PBD PJK diharapkan ditemui dalam kajian ini. Ini adalah kerana proses penambahbaikan boleh dijalankan dalam semua aspek daripada segi pelaksanaannya. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) yang ditugaskan kepada pelaksana dasar pentaksiran kebangsaan sudah pasti memerlukan dapatan yang tepat ke arah PBD PJK. Melihat kepada kajian ini sangat penting, dengan itu disarankan agar dapatan ini digunakan di LPM untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBD PJK pada masa hadapan di sekolah.





Kesimpulannya, kajian ini menyumbangkan informasi dan idea, serta gambaran yang jelas secara langsung atau tidak langsung kepada pihak berkepentingan tentang PBD PJK. Akhir sekali, diharapkan semua pihak bersepadu menyediakan satu mekanisme kepada pelbagai pihak untuk meningkatkan kaedah PdPc dan PBD mata pelajaran PJK agar memantapkan pendidikan di Malaysia, seterusnya dapat mengubah paradigma organisasi, masyarakat dan negara terhadap kualiti pelaksanaan PBD PJK di masa akan datang.

## 1.11 Rumusan

Bab ini memperincikan penerangan berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Di samping itu batasan kajian dan penerangan berkaitan definisi istilah untuk setiap aspek yang hendak dikaji dalam kajian ini. Bab ini begitu penting kerana dalam bab ini segala maklumat tentang kajian diterangkan untuk melaksanakan kajian di samping menjadi rujukan dan panduan semasa menjalankan kajian.

